

KAJIAN TABURAN DAN KELIMPAHAN NANOPLANKTON
(DINOFLAGELAT) DI KAWASAN PERAIRAN
VIETNAM, LAUT CHINA SELATAN

KASINA BTE MASADANG

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU
2000

KAJIAN TABURAN DAN KELIMPAHAN NANOPLANKTON
(DINOFLAGELAT) DI KAWASAN PERAIRAN VIETNAM, LAUT CHINA
SELATAN

OLEH

KASINA BTE MASADANG

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU

2000

1100024216

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya, projek ini dapat disempurnakan dengan sebaiknya.

Jutaan terima kasih diucapkan terutamanya kepada Prof. Dr. Hj. Lokman Shamsudin selaku penyelia utama kajian ini di atas segala bimbingan, tunjukajar serta sokongan yang diberikan di sepanjang projek ini dijalankan.

Buat ayahanda dan bonda, terima kasih kerana memberi peluang ini kepada anakanda. Tak lupa juga kepada abang dan kakak, tanpa sokongan kalian adik tidak berupaya berada di tahap ini sekarang. Alhamdulillah.

Akhir sekali, kepada Puan Kartini Mohamad serta kakitangan UPMT yang telah meluangkan begitu banyak masa di dalam menjayakan projek ini, jasa kalian tidak mungkin dilupakan. Begitu juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu terutamanya kepada insan teristimewa Mohd. Razali, Roziman, Noraslizan, Khartini, Jalita dan semua rakan-rakan yang bersama-sama di dalam perjuangan menuntut ilmu ini terima kasih di atas segalanya. Kita pernah bersua, bergelak ketawa bersama dan suka duka dikongsi bersama-sama, semoga memori itu akan mekar selamanya di sanubari kita masing-masing. Insya Allah..

ABSTRAK

Kajian mengenai nanoplankton (dinoflagelat) ini telah dijalankan di kawasan perairan Vietnam, Laut China Selatan bermula pada 30 April 1999 hingga 29 Mei 1999. Sebanyak 27 sampel diambil dari 21 buah stesen berdasarkan kepada tiga kawasan zon utama iaitu kawasan zon persisir pantai, zon pertengahan dan zon luar pantai. Sampel air diambil dengan menggunakan alat penyampel air Van Dorn 20 liter pada kedalaman lapisan klorofil maksima.

Di dalam kajian ini, hanya 14 spesies nanoplankton (dinoflagelat) telah ditemui. *Amphidoma sp.*, *Centrodinium sp.*, *Planodinium sp.*, Unknown sp. 1 dan Unknown sp. 5 merupakan spesies yang paling dominan dengan julat kepadatan sel di antara 4902.49 hingga 23372.23 sel/liter.

Taburan nanoplankton (dinoflagelat) adalah heterogenous dengan kepadatan sel yang tertinggi diperolehi dari kawasan zon pertengahan (24512.43 sel/liter), manakala kawasan zon persisir pantai menunjukkan kepadatan sel yang terendah sekali (13073.30 sel/liter).

ABSTRACT

A study on nanoplankton (dinoflagellate) was conducted in the Vietnam waters of the South China Sea from 30 April 1999 until 29 May 1999. Twenty seven samples of water were collected from 21 stations, namely the nearshore, middleshore dan offshore waters. Water sampler (Van Dorn 20 liters) was used to collect water samples from the chlorophyll maximum layer depth.

In this study, only 14 species were recorded. *Amphidoma sp.*, *Centrodinium sp.*, *Planodinium sp.*, with two other unknown species were dominant nanoplankton species ranging from 4902.49 to 23372.23 cells/liter.

The distribution of nanoplankton (dinoflagellate) is heterogenous with the highest cell densities in the middleshore waters (24512.43 cells/liter), while the lowest cell densities were recorded in the nearshore region (13073.30 cells/liter).